

LOMIDE® CAPSULE

Loperamide hydrochloride (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LOMIDE®
2. Bagaimana LOMIDE® berfungsi
3. Sebelum mengambil LOMIDE®
4. Cara menggunakan LOMIDE®
5. Semasa menggunakan LOMIDE®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LOMIDE®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan

LOMIDE®

LOMIDE® digunakan untuk merawat cirit-birit yang akut (mendadak, jangka pendek) atau kronik (berlarutan).

Bagaimana LOMIDE® berfungsi

LOMIDE® menghalang pengecutan otot usus dan ini meningkatkan masa penyerapan air di dalam usus. Seterusnya, ini menyebabkan najis menjadi lebih keras dan mengurangkan kekerapan cirit-birit.

Sebelum mengambil LOMIDE®

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil LOMIDE® jika anda:

- sembelit atau perlu mengelakkan sembelit

- sedang mengalami cirit-birit teruk dengan darah dalam najis atau demam
- mendapati bungkus ubat telah koyak atau kelihatan seperti telah dibuka
- mendapati bahawa tarikh luput telah berlalu
- alah kepada LOMIDE® atau sebarang bahan yang tersenarai dalam seksyen Bahan-bahan kandungan dalam risalah ini

Jangan memberi LOMIDE® kepada kanak-kanak yang berumur bawah 6 tahun.

Sila rujuk kepada ahli profesional kesihatan anda untuk maklumat lanjut.

-Sebelum mengambil LOMIDE®

Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda jika anda:

- mengandung atau merancang untuk hamil atau menyusu (Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini)
- mengalami atau pernah mengalami masalah hati

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan LOMIDE®

-Berapa banyak harus digunakan

Cirit-birit yang akut

Dos biasa bagi dewasa adalah dua kapsul LOMIDE®, diikuti dengan satu kapsul selepas setiap episod cirit-birit seperti yang diperlukan. Dos biasa bagi kanak-kanak yang berumur lebih daripada 6 tahun adalah satu kapsul LOMIDE®, diikuti dengan satu kapsul selepas setiap episod cirit-birit seperti yang diperlukan. Jangan melebihi lapan kapsul dalam sehari. Ahli profesional kesihatan anda mungkin menetapkan dos yang berlainan untuk anda.

LOMIDE® biasanya akan menghentikan gejala cirit-birit dalam masa 48 jam. Kalau cirit-birit berterusan, hentikan rawatan dengan LOMIDE® dan rujuk kepada ahli profesional kesihatan anda.

Cirit-birit yang kronik

Dos biasa bagi dewasa adalah dua kapsul LOMIDE®, diikuti dengan satu kapsul selepas setiap episod cirit-birit sehingga cirit-birit adalah terkawal. Dos biasa bagi kanak-kanak yang berumur lebih daripada 6 tahun adalah satu kapsul LOMIDE®, diikuti dengan satu kapsul selepas setiap episod cirit-birit sehingga cirit-birit adalah terkawal. Seterusnya, ahli profesional kesihatan anda akan menetapkan dos yang sesuai bergantung kepada setiap individu.

LOMIDE[®] CAPSULE

Loperamide hydrochloride (2mg)

-Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doctor.

-Berapa lama perlu digunakan

Bagi cirit-birit yang akut, LOMIDE[®] boleh digunakan sehingga 5 hari.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil dos selepas satu episod cirit-birit, ambil dos sebaik sahaja anda ingat atau selepas episod cirit-birit yang seterusnya. Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang terlepas. Semak dengan ahli profesional kesihatan anda jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau Pusat Racun Negara dengan segera untuk mendapatkan nasihat sekiranya anda mengesyaki bahawa anda atau sesiapa mungkin telah mengambil terlalu banyak LOMIDE[®].

Pusat Racun Negara boleh dihubungi di:

- 1-800-88-8099 semasa waktu pejabat
- +6012-430 9499 selepas waktu pejabat

Nombor-nombor telefon ini haruslah disimpan untuk kes kecemasan.

Sebagai alternatif, anda harus pergi ke hospital terdekat untuk mendapatkan rawatan. Semua

ini harus dilakukan walaupun anda tidak mengalami tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan kerana anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Gejala terlebih dos: sembelit, iritasi perut, berasa mengantuk, koordinasi yang abnormal, pengecutan anak mata, kekejangan otot, pernafasan menjadi perlahan.

Semasa menggunakan LOMIDE[®]

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli profesional kesihatan anda sekiranya anda tidak berasa lebih baik selepas mengambil LOMIDE[®].
- Minum banyak air untuk mengelakkan dehidrasi.
- Beritahu ahli profesional kesihatan anda jika anda mendapati bahawa anda hamil semasa mengambil LOMIDE[®].
- Jika anda akan memulakan rawatan dengan ubat baru, beritahu ahli profesional kesihatan anda bahawa anda sedang mengambil LOMIDE[®].

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil lebih daripada 8 kapsul LOMIDE[®] dalam sehari.
- Jangan gunakan LOMIDE[®] untuk merawat sebarang gejala lain kecuali yang dinasihatkan oleh ahli profesional kesihatan anda.
- Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mengalami gejala-

gejala yang serupa seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Cirit-birit mungkin menyebabkan keletihan, kepeningan atau rasa mengantuk. Oleh itu, anda harus berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang kadang-kadang boleh menjadi serius. Rawatan perubatan mungkin diperlukan bagi sesetengah kesan sampingan.

Beritahu ahli profesional kesihatan jika anda mengalami:

- loya atau muntah
- mulut kering
- sakit kepala
- ketidakselesaan perut
- sembelit
- keletihan
- mengantuk

Gejala-gejala yang disenarai di atas biasanya kesan-kesan sampingan yang ringan.

Beritahu ahli profesional kesihatan anda dengan segera dan hentikan rawatan LOMIDE[®] jika anda mengalami:

- penyakit lelah, semput atau sesak nafas
- bengkak di muka, bibir atau lidah yang mungkin menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas

Ini bukan senarai lengkap untuk

LOMIDE[®] CAPSULE

Loperamide hydrochloride (2mg)

semua kesan sampingan yang mungkin berlaku. Sila rujuk kepada ahli profesional kesihatan anda sekiranya anda mendapati bahawa anda merasa kurang sihat semasa rawatan LOMIDE[®] atau sejeurus selepas anda menghabiskan rawatan LOMIDE[®].

Sila rujuk kepada ahli profesional kesihatan anda untuk mendapat maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan LOMIDE[®]

-Penyimpanan

- Simpan LOMIDE[®] di tempat yang sejuk dan kering di bawah 30°C.
- Jauhi daripada haba dan kelembapan.
- Simpan kapsul jauh daripada kanak-kanak.


-Pelupusan

Sila merujuk kepada ahli profesional kesihatan anda untuk pelupusan ubat yang telah dihentikan oleh doktor atau telah tamat tempoh.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna LOMIDE[®]

Kapsul LOMIDE[®] berwarna hijau gelap dan hijau muda dan

tertera dengan logo . Setiap pek 'blister' mengandungi 10 kapsul.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

2 milligram loperamide hydrochloride dalam setiap kapsul LOMIDE[®].

Bahan tidak aktif:

Tapioca starch, magnesium stearate dan lactose.

-Nombor MAL:

MAL19861523AZ

Pengilang

Siam Bheasach Co., Ltd.,
123 Soi Chokechairuammitr,
Vibhavadi-Rangsit Road,
Chatuchak, Bangkok 10900,
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

SPG Pharma (Malaysia) Sdn. Bhd.,
Suite 1701, Block A,
Damansara Intan e-Business
Park, No. 1, Jalan SS20/27,
47400 Petaling Jaya, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

13/01/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)091215/00487